

Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (*al-Taklif*) Dalam Pemikiran Islam:  
Penerapan dan aplikasinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim.

Oleh:

Prof. Madya Dr. Wan Z. Kamaruddin b. Wan Ali

Dr. Ahmad Zuhdi bin Ismail

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

This article will be dealt with the concept of responsibility (*al-taklif*)

From the Islamic point of view. The two categories of *al-taklif* are debatable and will be looked into to understand the concept. Last but not least, the practical and application of *al-taklif* will also be discussed because it has its own benefits to the Moslems in the globalised world and the hereafter.

## 1. **Introduksi:**

Konsep *al-Taklif* merupakan salah satu konsep yang penting dalam bidang Pemikiran Islam dan ia mempunyai hubungan langsung dengan konsep keadilan Allah (*al-'Adl al-Ilahi*) dan juga perbuatan Allah (*af'al-Allah*) dan perbuatan manusia (*af'al-'ibad*) yang biasanya akan dibahas secara mendalam dalam bab rukun Iman keenam iaitu Keimanan kepada *al-Qada'* dan *al-Qadr*. Ia menjadi isu kontroversial dalam konteks kemazhaban dan kepelbagaian gaya, corak, bentuk, metodologi dan sistem pemikiran di kalangan kaum muslimin di Malaysia mahupun di luar Malaysia, polemik yang sentiasa mengundang perselisihan pendapat dan pandangan yang berpanjangan dan tidak berkesudahan, sentiasa segar dan baru dalam era perubahan dan proses penggantian manusia sejak mereka diturunkan ke muka bumi hingga ke hari ini.

Pemerhatian dari pelbagai perspektif dapat mendedahkan dan mengembangkan idea dan pemikiran manusia kepada penyelesaian atau paling suatu kesimpulan yang lebih menyeluruh. Sekiranya ia dilihat menerusi pemerhatian dan penelitian daripada kepelbagaian metodologi dan perspektif, diharap ia dapat dimanfaatkan untuk kepentingan manusia khususnya muslim, mu'min dan muttaqi untuk bersikap lapang dada, positif dan berfikiran

terbuka sesama mereka sebagai makhluk Allah yang hanya bermatlamat untuk akur, patuh dan taat kepada Allah (s.w.t) semata-mata.

## 2. *Al-Taklif* dari segi literal:

Dari segi bahasa, perkataan *al-taklif* (التكليف) daripada perkataan *al-kulfah* yang bermaksud penat (*al-ta'ab*) dan sukar (*al-masyaaqqah*).<sup>1</sup> Ibn Durayd (m.321H) menjelaskan ia bermaksud membebankan (sesuatu) dengan sesuatu.<sup>2</sup> Ibn Faris (m.395H) menerangkannya sebagai bermaksud mengemukakan perintah melakukan sesuatu yang membebankan.<sup>3</sup> Justeru, Fairuzabadi (m.871H) mengatakan *al-taklif* sebagai sesuatu yang memenatkan dan menyukarkan ataupun yang meletakkan seseorang dalam kesulitan.<sup>4</sup>

Secara ringkasnya, dari segi bahasa ia dapatlah disimpulkan bahawa *al-taklif* merujuk kepada sesuatu perintah atau suruhan yang membebankan, memenatkan, menyukarkan dan menyulitkan seseorang.

## 3. *Al-Taklif* dari segi terminologi:

Dari segi istilah pula, al-Baghdadi (m.329H) daripada aliran al-Asya'irah mengatakan *al-taklif* merujuk kepada perintah (*al-amr*) dan larangan (*al-nahy*) kerana perkara-perkara yang diperintah untuk dilakukan adalah penat dan sukar, dan pada kebiasaannya tidak disuruh untuk melakukannya.<sup>5</sup> Al-Juwayni (m.478H) pula mendefinisikannya dengan pengertian suatu perintah yang diwajibkan atas seseorang mukallaf untuk melakukan sesuatu yang sukar baginya.<sup>6</sup>

'Abd al-Jabbar (m.415H) daripada aliran al-Mu'tazilah mentakrifkannya dengan maksud keinginan melakukan sesuatu perbuatan yang menyukarkan dan membebankan diri seseorang mukallaf.<sup>7</sup>

---

1 Al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad, *Usul al-Din*, Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, Beirut, Cet.II, 1400/1980, , h.207; Nasir al-Din al-Tusi, *Kasyf al-Murad Fi Syarh Tajrid al-I'tiqad*, Tahqiq: al-Zanjani, Mu'assasah al-A'lami li-al-Matbu'at, Beirut, Lubnan, Cet.I, 1399/1979, h.344.

2 Ibn Durayd, Muhammad bin Hasan, *Kitab Jamharah al-Lughah*, Maktabah al-Muthanna, Baghdad, Cet.I, 1345/1925, , II, h.157.

<sup>3</sup> Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyyah bin Muhammad bin Habib al-Razi, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Maktabah al-Muthanna, Baghdad, Cet.I, 1369, II, h.136.

4 Fairuzabadi, Tahir Ahmad al-Zawi, *Tartib al-Qamus al-Muhit*, al-Qahirah, Cet.I, 1379/1959, III, h.67. Lihat sama: Ibn Faris, *Maqayis*, V, h.136; Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, IX, h.307.

5 Al-Baghdadi, *op.cit*, h.207.

6 Al-Juwayni, Imam al-Haramayn, 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah bin Yusuf, *al-Burhan*, h.26.

<sup>7</sup> 'Abd al-Jabbar, al-Qadi Abu Hasan bin Ahmad, *al-Mughni*, XI, h.295.

Secara ringkasnya, *al-taklif* dapat disimpulkan dari segi terminologinya sebagai sesuatu perbuatan, larangan yang membebankan, menyukarkan dan memenatkan untuk dilakukan oleh seseorang mukallaf.

Dalam konteks perbincangan ini, konsep *al-taklif* dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian seperti berikut:<sup>8</sup>

Pertama: *Taklif ma la yutaq* (kewajiban di luar kemampuan) merujuk kepada sesuatu yang membebankan, menyukarkan dan memenatkan seseorang mukallaf tanpa diberikan sebarang pilihan dan kebebasan. Ia berkaitan dengan ketetapan Allah (s.w.t) yang sepenuhnya berada dalam kekuasaan Allah (s.w.t).

Kedua: *Taklif ma yutaq* (kewajiban dalam kemampuan) merujuk kepada sesuatu perbuatan, larangan yang membebankan, menyukarkan dan memenatkan untuk dilakukan oleh seseorang mukallaf. Ia berkaitan dengan ketetapan Allah (s.w.t) tetapi manusia diberikan pilihan dan kebebasan sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya.

Secara umumnya, kaum muslimin tidak membincangkan persoalan *taklif ma la yutaq* (kewajiban di luar kemampuan) kerana ia sama sekali berada di luar kemampuan, kebolehan, keupayaan dan kesanggupan manusia untuk melakukannya. Ia pada hakikatnya adalah di bawah kekuasaan Allah (s.w.t) semata-mata. Contoh: Kewajiban untuk salat 24 jam sehari semalam tanpa henti-henti dan seumpamanya.

Perbahasan dan perbincangan yang panjang lebar di kalangan para ulama, pemikir dan cendekiawan muslim lebih tertumpu kepada persoalan *taklif ma yutaq* (kewajiban dalam kemampuan). Ini kerana ia berkaitan dengan beberapa persoalan lain yang sangat relevan dalam Islam seperti isu perutusan nabi dan rasul, kedudukan syariah dan sebagainya. Contoh: Kewajiban bersalat 5 kali sehari semalam sebanyak 17 rakaat semuanya, dan salat-salat sunat lain yang diberikan kepada manusia muslim sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya.

Dalam konteks perbincangan dalam artikel ini, tumpuan hanya akan diberikan untuk membincangkan persoalan *taklif ma yutaq* (kewajiban dalam kemampuan) sahaja. Keterangan al-Qur'an, al-Hadith dan perbahasan di kalangan aliran-aliran pemikiran Islam akan diperlihatkan untuk melihat sudut pandang dan pendirian masing-masing.

### **Persoalan *al-Taklif* di kalangan aliran-aliran pemikiran dalam Islam:**

---

<sup>8</sup> Al-Ijji, 'Adud al-Din 'Abd al-Rahman ibn Ahmad, *al-Mawaqif fi 'Ilm al-Kalam*, 'Alam al-Kutub, Beirut, t.t. h.329.

Dalam persoalan *al-taklif* di kalangan aliran-aliran pemikiran dalam Islam, terdapat perbezaan pendapat dan pandangan mengenainya disebabkan beberapa faktor, di antaranya perbezaan sumber, metodologi, konteks dan pelbagai lagi.

Aliran pemikiran atau mazhab *al-Asya'irah* yang merupakan salah satu aliran terpenting dalam aliran induk yang dikenali *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di dunia Islam secara umum dan di Malaysia secara khusus, mempunyai pendapat dan pandangan mereka yang tersendiri dalam persoalan ini.

Mazhab *al-Asya'irah* terdiri daripada al-Asy'ari sendiri selaku tokoh terpenting dan berpengaruh besar berpendapat Tuhan berkuasa mutlak dan tidak ada sesuatu pun yang wajib bagi-Nya. Tuhan berbuat sekehendak-Nya, sehingga kalau Dia memasukkan seluruh manusia ke dalam syurga bukanlah Dia bersifat tidak adil dan sekiranya Dia memasukkan semua manusia ke dalam neraka, ia tidaklah bersifat zalim.<sup>9</sup>

Para pengikutnya termasuklah al-Baghdadi mengatakan Tuhan boleh melarang apa yang telah diperintahkan-Nya dan memerintahkan apa yang telah dilarang-Nya seperti kata-katanya: "Tuhan bersifat adil dalam segala perbuatan-Nya. Tidak ada suatu larangan pun bagi Tuhan. Dia berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Semua makhluk milik-Nya dan perintah-Nya adalah di atas segala perintah. Dia tidak bertanggungjawab tentang perbuatan-perbuatan-Nya kepada sesiapa pun."<sup>10</sup>

Al-Ghazali pula turut berpendapat demikian dengan mengatakan Tuhan harus berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya,<sup>11</sup> dapat memberikan hukum menurut kehendak-Nya, dapat menyiksa orang yang berbuat baik sekiranya dikehendaki-Nya dan dapat memberikan upah kepada orang kafir sekiranya dikehendaki-Nya.

Ringkasnya, Tuhan harus mengenakan kewajipan (*al-taklif*) ke atas manusia yang mengatasi kemampuan manusia atau tanpa *taklif* sama sekali.<sup>12</sup> Ia bermaksud bahawa Allah boleh memaksa manusia melakukan sesuatu perkara, perbuatan atau kewajipan yang tidak mampu dilakukan oleh manusia. Di antara hujah, bukti dan alasan yang mereka kemukakan adalah kerana bagi mereka, Allah (s.w.t) tidak mempunyai kewajipan. Tiada suatu kuasa yang boleh memaksa dan menetapkan kewajipan ke atas diri Allah (s.w.t), dan Allah (s.w.t)

---

<sup>9</sup> Al-Syahrastani, Abu al-Fath Muhammad ibn 'Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad, *al-Milal wa al-Nihal*, Tahqiq: 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Waki', Mu'assasah al-Halabi, al-Qahirah, 1380/1961, I, h.101.

<sup>10</sup> Al-Baghdadi, *Usul al-Din*, h.213; 82.

<sup>11</sup> Al-Ghazali, *al-Iqtisad*, h.184.

<sup>12</sup> Al-Baghdadi, *ibid*, h.149; al-Syahrastani, *al-Milal*, I, h.135; al-Ghazali, *al-Iqtisad*, h.160.

selaku Tuhan Maha Kuasa boleh melakukan apa sahaja dan tiada sebarang keburukan berpunca daripada-Nya.<sup>13</sup>

Mereka secara ringkasnya berpendapat Allah (s.w.t) selaku Tuhan Maha Kuasa boleh membebaskan kedua-dua bentuk *al-taklif* ke atas seseorang manusia, sama ada *taklif ma la yutaq* (kewajiban tanpa kemampuan) dan *taklif ma yutaq* (kewajiban dalam kemampuan). Bagi mereka, kedua-duanya tetap dianggap adil kepada Allah (s.w.t) sekiranya Dia berbuat demikian kerana keadilan Allah (s.w.t) merujuk kepada Allah (s.w.t) boleh berbuat apa sahaja. Allah tidak terikat kepada janji, norma keadilan dan sebagainya.<sup>14</sup>

Aliran pemikiran atau mazhab seterusnya adalah *Ahl al-Tawhid wa al-'Adl* atau *al-Mu'tazilah* yang kini dianggap pupus, dan dalam konteks Nusantara atau Alam Melayu pula lebih dikenali sebagai *Neo-Mu'tazilah* mempunyai pendapat mereka yang tersendiri yang agak berlainan daripada majoriti kaum muslimin.

Mereka mengatakan Allah (s.w.t) hanya boleh memberikan *al-taklif* (kewajiban atau tanggungjawab) kepada manusia berdasarkan kemampuan mereka. Mereka secara umumnya menolak konsep *taklif ma la yutaq* (kewajiban tanpa kemampuan), yang menurut pendapat mereka, tidak dapat diterima kerana dari segi akal, ia adalah buruk. Bagi mereka, Allah (s.w.t) tidak harus melepaskan atau membebaskan manusia tanpa *al-taklif* (tanggungjawab dan kewajiban).

Dengan kata-kata lain, Allah (s.w.t) wajib memberikan atau membebaskan *taklif ma yutaq* (kewajiban dalam kemampuan) kepada manusia. Ini kerana sekiranya Allah (s.w.t) tidak berbuat demikian, bererti Allah (s.w.t) telah menyesatkan manusia dan menjerumuskan manusia dalam kemaksiatan.<sup>15</sup> Konsep *taklif ma la yutaq* (kewajiban tanpa kemampuan) tidak diterima oleh *al-Mu'tazilah* (*Ahl al-Tawhid wa al-'Adl*) kerana perbuatan tersebut tidak menggambarkan keadilan Allah (s.w.t) dan bagi mereka, keadilan Allah (s.w.t) merujuk kepada Allah (s.w.t) boleh berbuat apa sahaja tetapi Dia (Allah) tidak berbuat apa sahaja. Dia melakukan sesuatu dengan tujuan, matlamat dan hikmah.

Aliran pemikiran selanjutnya adalah Syi'ah yang turut mempunyai pendapat mereka yang tersendiri. Menurut mereka, konsep *al-taklif* (kewajiban atau tanggungjawab) mempunyai hubungan dan kaitan yang rapat dengan konsep perbuatan dan keadilan Allah

---

13 Al-Iji, *op.cit*, h.330; Tritton, Arthur Stanley, *Muslim Theology*, Publication for the Royal Asiatic Society, Luzac, London, 1366/1947, h.179, 188.

<sup>14</sup> Harun Nasution, *Teologi Islam: Aliran Aliran Sejarah Analisa Perbandingan*, Penerbit Universitas Indonesia, 1986, h.119.

<sup>15</sup> Al-Iji, *al-Mawaqif*, h.330; al-Baghdadi, *Usul al-Din*, h.149. (Golongan *al-Barahimah* juga bersependapat dengan mereka.)

yang dikatakan mengandungi hikmah dan masalah.<sup>16</sup> Konsep Perbuatan Allah adalah bersesuaian dengan nama-nama Allah yang baik (*al-Asma' al-Husna*) kerana penamaan diri-Nya adalah dilakukan oleh Allah SWT dan ia suatu ketetapan yang ditetapkan Allah SWT terhadap Diri-Nya sendiri. Konsep keadilan Allah dan bukannya kezaliman Allah kerana Allah Maha Adil (*al-'Adl*) dan Maha Saksama (*al-Muqsit*). Justeru, semua perkara yang bersumberkan Allah adalah adil dan saksama. Adil dan saksama merujuk kepada segala sesuatu diletakkan pada tempatnya masing-masing dan bukannya tersalah atau sengaja salah meletakkan sesuatu yang memberikan implikasi zalim.

Penekanan mereka yang utama dan terpenting adalah kepada *taklif ma yutaq* (kewajipan dalam kemampuan) dan bukan kepada *taklif ma la yutaq* (kewajipan tanpa kemampuan). Menurut mereka, *taklif ma yutaq* (kewajipan dalam kemampuan) yang dibebankan kepada manusia daripada Allah (s.w.t) mengandungi unsur keadilan dan kesaksamaan dan bukan berunsurkan penindasan, penganiayaan dan kezaliman. Justeru, *taklif ma yutaq* (kewajipan dalam kemampuan) daripada Allah dikenakan dan dibebankan ke atas sekalian manusia dan jin tanpa kekecualian. Di kalangan manusia, *taklif ma yutaq* (kewajipan dalam kemampuan) dibebankan ke atas muslim mahupun non-muslim, manakala di kalangan jin pula, *taklif ma yutaq* (kewajipan dalam kemampuan) dibebankan ke atas jin muslim mahupun jin kafir.

Dengan kata-kata lain, mereka berpendapat, sebagai Allah Maha Adil (*al-'Adl*) dan Maha Saksama (*al-Muqsit*), Allah (s.w.t) hanya memberikan *al-taklif* kepada manusia berdasarkan kemampuan dan keupayaan mereka (*taklif ma yutaq*) dan pada masa yang sama, disebabkan Allah (s.w.t) juga bukanlah Tuhan Maha Zalim, Dia tidak pernah memberikan perintah dan kewajipan yang tidak mampu manusia mahupun jin lakukan atau laksanakan (*taklif ma la yutaq*).

Secara perbandingan, dapatlah dilihat pendapat dan pandangan pelbagai aliran pemikiran atau mazhab dalam Islam dalam isu dan persoalan yang dibincangkan. Kelihatan dengan jelas bahawa perbezaan pendapat ini wujud kerana dasar dan prinsip pemikiran mereka mengenai konsep kewajipan dan tanggungjawab (*al-taklif*) kepada Allah (s.w.t) berbeza. Kelainan dan perbezaan ini disebabkan sumber, metodologi, pemahaman, penekanan, pemikiran dan konteks yang dilihat dan diperhatikan setiap aliran berbeza di antara satu dengan yang lain.

---

16 Al-Saduq, *al-Tawhid*, Maktabah al-Saduq, Tehran, 1387/1967, h.346-347; al-Hilli, *Irsyad al-Talibin*, h.272.

**Persoalan *taklif ma la yutaq* (taklif tanpa kemampuan) dan hubungannya dengan Keadilan Allah:**

Dalam konteks perbincangan ini, persoalan *taklif ma la yutaq* (taklif tanpa kemampuan) tidak diterima dalam Islam adalah berdasarkan kepada beberapa alasan, hujah dan dalil. Berikut adalah beberapa pernyataan yang dapat dilihat dan perhatikan:

Pertama: Sekiranya *taklif* yang dikenakan itu tidak mampu dilakukan, perbuatan itu akan hanya menafikan Allah daripada sifat Maha Bijaksana (*Hakim*).<sup>17</sup>

Kedua: Sekiranya Allah boleh berbuat demikian, tentulah Dia harus mengenakan *taklif* kepada orang buta (*al-a'ma*) agar melihat, orang bisu (*al-akhras*) agar bercakap dan membalas keburukan kepada manusia di atas ketidakmampuan mereka melakukannya.<sup>18</sup>

Ketiga: *Taklif* tanpa kemampuan (*taklif ma la yutaq*) hanya memberikan implikasi Allah zalim sedangkan dalil-dalil al-Qur'an membuktikan sebaliknya.<sup>19</sup>

Keburukan (*qubh*) mustahil berlaku kepada Allah (s.w.t) kerana Dia mempunyai sesuatu yang boleh menghalang-Nya daripada melakukan perbuatan itu, iaitu ilmu tentang keburukan kerana Dia (Allah) merupakan Tuhan Maha Mengetahui (*al-'Alim*) segala-galanya yang nyata mahupun tersembunyi. Selain itu, Allah (s.w.t) tidak mempunyai tujuan, matlamat dan kehendak untuk melakukan keburukan kerana tujuan (kepada keburukan) itu sendiri menunjukkan bahawa ia diperlukan oleh Tuhan, yang pada hakikatnya adalah mustahil bagi Allah (s.w.t). Selain itu, perbuatan menghendaki keburukan itu adalah salah kerana di dalam perbuatan itu sendiri tidak mengandungi sebarang hikmah. Di samping itu, bukti kenabian sudah tentu menjadi mustahil dan bahkan tidak diperlukan lagi seandainya keburukan itu dikatakan harus daripada Allah (s.w.t).

Sehubungan dengan ini, syariah disebutkan sebagai salah satu bentuk *al-taklif* secara umumnya dan ia merupakan *taklif ma yutaq* (kewajiban dalam kemampuan) kerana ia merupakan kesukaran, keperitan dan kepayahan yang terpaksa dijalani dan dihadapi setiap manusia yang berkemampuan. Ini kerana tanpa syariah, hukum dan peraturan, kehidupan manusia secara umum mahupun secara khusus akan berhadapan dengan kesukaran dan penderitaan yang lebih perit, berat dan sukar. Walaupun syariah dianggap sebagai *al-taklif*

---

17 Al-Hilli, *Nahj al-Haq wa Kasyf al-Sidq*, Dar al-Kitab al-Lubnani, Beirut, 1403/1982. h.99; al-Karajaki, Abi al-Fath al-Syaikh Muhammad bin 'Ali bin 'Uthman al-Karajaki al-Tarabulusi, *Kanz al-Fawa'id*, Dar al-Adwa', Beirut, 1405/1985, I, h.108-109.

18 Al-Karajaki, *ibid*, I, h.108-109.

19 Al-Qur'an, surah Fussilat (41): 46; Al-Hurr al-'Amili, Muhammad bin al-Hasan, *al-Fusul al-Muhimmah Fi Usul al-A'immah 'Alayhim al-Salam*, al-Maktabah wa al-Matba'ah al-Haydariyyah, al-Najaf, Cet.II, 1378/1958, h.73, 85-86.

(tanggungjawab atau kewajiban), namun pada hakikatnya, ia termasuk dalam kekuasaan dan kemampuan manusia sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya.<sup>20</sup>

Justeru, dalam Islam dikatakan bahawa setiap perintah Allah (s.w.t) yang dikemukakan kepada sekalian manusia dan jin, muslim mahupun non-muslim memperlihatkan Allah Maha Mengetahui (*al-‘Alim*) bahawa manusia (mahupun jin) mampu, berdaya dan berupaya melakukannya. Begitu juga sebaliknya, Allah (s.w.t) hanya mengeluarkan sesuatu larangan dan tegahan kerana Dia Maha Mengetahui (*al-‘Alim*) bahawa manusia (bahkan jin) mampu, berdaya dan berupaya menghindarinya.<sup>21</sup>

Contoh-contoh yang boleh didapati dalam al-Qur’an adalah Allah (s.w.t) mengenakan *al-taklif* seperti salat 5 waktu sehari semalam, zakat sebanyak 5 dirham daripada 200 dirham, puasa sebulan Ramadan dalam setahun. Pada kenyataannya dan dari aspek realitinya, manusia sebenarnya mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk melakukan sesuatu yang lebih banyak dan lebih besar dari itu.<sup>22</sup>

Al-Qur’an sendiri telah menerangkan bahawa Allah (s.w.t) hanya membebankan manusia atau dengan kata-kata lain, memberikan *al-taklif* ke atas seseorang manusia mengikut kemampuan, keupayaan dan kesanggupannya dan Allah (s.w.t) turut menafikan Diri-Nya (s.w.t) melakukan sesuatu yang berlawanan dengannya berdasarkan keterangan Allah (s.w.t) sendiri yang bermaksud:

“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya (*wus*’),”<sup>23</sup>

“melainkan (sekadar) apa yang Allah berikan kepadanya.”<sup>24</sup>

Perkataan *wus*’ digunakan dalam ayat tersebut merujuk kepada sesuatu yang mudah dan senang untuk dilakukan dan berada dalam kemampuan, keupayaan, kebolehan dan kesanggupan manusia.<sup>25</sup> Ia dikatakan suatu kurniaan Allah (s.w.t) yang besar kerana Allah (s.w.t) mengatakannya dalam ayat al-Qur’an yang bermaksud bahawa:

“Dia menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.”<sup>26</sup>

---

20 Al-Hurr al-‘Amili, *al-Fusul al-Muhimmah*, h.73.

21 Al-Majlisi, Muhammad Baqir, *Bihar al-Anwar al-Jami‘ah li Durar Akhbar al-A‘immah al-Athar*, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Mu’assasah al-Tarikh al-‘Arabi, Beirut, 1412/ 1992,V, h.440.

22 *Ibid*, V, h.454.

23 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 286.

24 Al-Qur’an, surah al-Talaq (65): 7. Lihat: surah al-Baqarah (2): 233; al-An‘am (6):152; al-A‘raf (7): 42 dan al-Mu‘minun (23): 62.

25 Lihat sama: Muhammad ‘Abduh, Muhammad ‘Abduh, *Syarh Nahj al-Balaghah*, Dar al-Andalus, Beirut, 1382/1963, h.618 (Kitab no.51); h.696 (Hikam no.78).

26 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 185.



Keterangan al-Qur'an turut diperkukuhkan dengan keterangan beberapa buah hadith Nabi Muhammad (s.a.w) sendiri yang berkaitan rapat dengan persoalan *al-taklif* yang dibincangkan ini. Berdasarkan beberapa keterangan hadith Nabi (s. 'a.w) menunjukkan bahawa terdapat beberapa keadaan *al-taklif* tidak diperkirakan dan diperhitungkan iaitu semasa lupa, jahil dan tidak mampu seperti dikatakan: "orang gila hingga sembuh, yang tertidur hingga terjaga dan kanak-kanak hingga baligh."<sup>27</sup> Dengan kata-kata lain, keterangan hadith ini merujuk kepada *taklif ma la yutaq* (taklif di luar kemampuan manusia).

Dalam persoalan agama manusia, Allah (s.w.t) menjadikan semua manusia berada dalam keadaan fitrah dan beragama *al-Tawhid*, atau dengan kata-kata lain, Islam. Seterusnya Allah (s.w.t) mengeluarkan perintah (wajib mahupun sunat) dan larangan (haram mahupun makruh) kepada mereka sebagai ujian.

Ujian ini mempunyai hubungan rapat dengan konsep *al-Iman* dan *al-Kufr*. Kekufuran dan keimanan adalah terhasil daripada perbuatan dan perlakuan manusia sendiri dan ia tidak mempunyai kaitan dengan Allah (s.w.t). Ini kerana seseorang manusia hanya menjadi mu'min atau kafir selepas mereka melalui peringkat keadaan dan tempoh tertentu. Keadaan tersebut menghendaki Allah (s.w.t) mendatangkan bukti, alasan, dalil dan hujah dengan kebenaran dan kebatilan dihadapkan kepada mereka. Hanya apabila manusia mengingkari kebenaran itu, barulah menyebabkan mereka menjadi kafir.<sup>28</sup> Sebaliknya, sekiranya manusia mengikuti kebenaran, mereka akan menjadi manusia mu'min, seterusnya *muttaqi* dan *muhsin*.

Golongan kafir dikatakan tidak boleh berhujah bahawa mereka tidak mampu kerana al-Qur'an sendiri telah membuktikan sebaliknya dalam ayat yang bermaksud:

"Apakah yang memasukkan kamu ke dalam Saqar (neraka)? Mereka menjawab: Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan salat."<sup>29</sup>

Tambahan pula, Allah (s.w.t) sendiri tidak menghendaki kekufuran mereka dan Dia juga tidak pula meredhai mereka menjadi manusia yang kafir dan munafiq mereka seperti dijelaskan dalam ayat yang bermaksud:

"Jika kamu kafir maka sesungguhnya Allah tidak memerlukan (iman)mu dan Dia tidak meredhai kekafiran bagi hamba-Nya."<sup>30</sup>

---

27 Muhammad 'Abduh, *op.cit*, h.618, 696, 433; al-Syarif al-Radi, Abu al-Hasan Muhammad al-Radi bin al-Hasan al-Musawi, *Nahj al-Balaghah*, Tahqiq: Subhi Salih (Dr.), Beirut, Cet.I, 1387/1967, (Kitab no:51), h.425; (Hikam no:78), h.481; (Khutbah no:183), h.266; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, XVII, h.19; al-Tabataba'i, *al-Mizan*, XII, h.199-200; al-Muhammadi, *Mizan al-Hikmah*, VIII, h.425; al-Baghdadi, *Usul al-Din*, h.207.

28 Al-Tabarsi, Abi Mansur Ahmad ibn 'Ali bin Abi Talib, *Kitab al-Ihtijaj*, Tahqiq: Al-Sayyid Muhammad Baqir al-Musawi al-Khurasani, Mu'assasah al-A'lami li-al-Matbu'ah, Beirut, Cet.II, 1403/1983, II, h.341.

29 Al-Qur'an, surah al-Muddaththir (74): 42-43.

Sekiranya kenyataan bahawa Allah (s.w.t) sebenarnya meredhai perbuatan (menjadi kufur) itu, ia bererti Allah (s.w.t) diakui sebagai Tuhan yang zalim, dan pada masa yang sama dinafikan mempunyai sifat Maha Adil (*al-'Adl*) dan Maha Saksama (*al-Muqsit*)<sup>31</sup> seperti yang terdapat dalam *al-Asma' al-Husna*.

Allah (s.w.t) tidak sekali-kali menghalang manusia daripada perintah-Nya. Ini kerana kalau berlaku sebaliknya, tentulah Allah (s.w.t) telah menghalang iblis bersujud kepada Nabi Adam ('a.s) dan seandainya Allah (s.w.t) menegah iblis dengan halangan-Nya sendiri, Allah (s.w.t) sudah pasti tidak akan melaknatnya.<sup>32</sup> Allah (s.w.t) juga tidak sekali-kali memberikan pertolongan dalam perkara-perkara yang tidak dikehendaki-Nya. Ini kerana Allah menyediakan neraka jahanam bagi manusia yang menyalahi-Nya dan melaknat mereka kerana berdusta untuk mentaati-Nya. Tambahan lagi, sekiranya Allah menolong sesuatu yang Dia sendiri tidak menghendakinya, tentulah Dia telah menolong Fir'aun kerana kekufuran dan pengakuannya menjadi tuhan sekalian alam.<sup>33</sup>

### **Penerapan dan aplikasi *al-Taklif* dalam kehidupan masyarakat Muslim:**

Dalam kerajaan Islam Madinah, Nabi Muhammad (s.a.w) sebagai Nabi, Rasul dan juga pemimpin Allah yang dipilih berasaskan konsep teokrasi [pemilihan daripada Allah, kepada Allah dan untuk Allah]<sup>34</sup> telah meletakkan "Islam sebagai agama rasmi negara tetapi pada masa yang sama, memberikan tempat, ruang, peluang dan kebebasan kepada agama-agama lain diamalkan berdasarkan peruntukan tertentu dan tertakluk di bawah naungan dan perlindungan yang dijamin oleh Islam."<sup>35</sup>

Dalam konteks ini, Nabi Muhammad (s.a.w) telah membentuk kerajaan Islam Madinah dengan segala kemampuan dan kekuatannya, mengukuhkan dan memberikan daya tahan dan keanjalan dari segi prinsip dan sistemnya untuk membolehkan kekal bertahan untuk seterusnya. Justeru, adalah menjadi tugas, tanggungjawab dan kewajiban (*al-taklif*) manusia khususnya muslim, mu'min dan muttaqi untuk mempertahankan dan mengekalkannya. Ia semestilah tertakluk kepada kewajiban yang berteraskan kemampuan, keupayaan dan kesanggupan manusia. Sekiranya mereka berusaha dengan bersungguh-

---

30 Al-Qur'an, surah al-Zumar (39): 7.

31 Al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, II, h.341.

32 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, V, h.444.

33 Al-Majlisi, *ibid*, V, h.444.

34 Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 156 - bermaksud "Daripada Allah kita datang dan kepada Allah kita kembali").

35 Dr. Muhammad Hamidullah, *Majmu'ah al-Watha'iq al-Siyasiyyah*, h.39-47.

sebenarnya dengan segala kemampuan yang ada, ia akan bertahan dan sebaliknya pulalah yang akan berlaku sekiranya mereka tidak mahu mempertahankannya.

### **Masyarakat Muslim: Ciri dan kriteria:**

Masyarakat muslim adalah masyarakat yang berpandukan kepada sumber Allah (s.w.t) iaitu al-Qur'an, Kalam Allah (s.w.t) dan al-Sunnah, Nabi Muhammad (s.a.w). Ia merujuk kepada masyarakat yang mampu, berdaya dan berupaya mengikuti dan mentaati perintah dan larangan Allah dan Rasul-Nya, yang bersedia mengubahkan diri sendiri dan orang lain kepada kebaikan, kebenaran dan kesempurnaan hidup dunia dan akhirat, yang tidak berkompromi dan bertolakansur dengan keburukan, kejahatan dan kemungkaran dan juga yang mendokong dan menjunjung keadilan dan kesaksamaan yang diperuntukkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan bukan pula sebaliknya. Semua yang dinyatakan di atas pada hakikatnya berada dalam kemampuan, keupayaan dan kesanggupan (*al-taklif*) manusia muslim, mu'min dan muttaqi untuk melakukannya mahupun meninggalkannya.

### **Masyarakat muslim: Tanggungjawab dan kewajiban mereka kepada Allah dan Rasul-Nya:**

Selaku individu dan masyarakat muslim, tanggungjawab dan kewajiban (*al-taklif*) yang dibebankan kepada mereka tetapi dalam kemampuan, keupayaan dan kesanggupan mereka adalah di antaranya, menjaga hak-hak Allah dan Rasul-Nya daripada sebarang unsur pemusnahan, pemindaan dan perubahan, menjaga Islam dan semua prinsip dan sistemnya daripada sebarang unsur dan anasir yang ingin merosakkannya, memberikan petunjuk dan kebenaran kepada individu dan masyarakat, memberikan peringatan, berita gembira dan ancaman kepada masyarakat, dan menunjukkan contoh dan teladan kepada masyarakat yang lain untuk diikuti dan dicontohi. Semua yang dinyatakan masih dalam lingkungan kemampuan, keupayaan dan kesanggupan (*al-taklif*) manusia muslim, mu'min dan muttaqi untuk melakukannya mahupun meninggalkannya.

### **Masyarakat muslim: Tanggungjawab dan kewajiban mereka kepada manusia seluruhnya:**

Kewajiban mereka adalah mengetahui bahawa Allah memberikan mereka konsep kewajipan (*al-taklif*) yang berada dalam bidang kuasa dan kapasiti mereka. Kewajiban dan

tanggungjawab tersebut akan dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan oleh Allah (s.w.t). Kewajiban tersebut berkaitrapat dengan pelaksanaan konsep keadilan yang Allah kehendaki berasaskan hikmah dan maslahah. Kewajiban tersebut berdasarkan kemampuan dan keupayaan mereka (*taklif ma yutaq*) dan bukannya sesuatu yang berada di luar daripada kemampuan mereka (*taklif ma la yutaq*). Kewajiban mereka mencegah kemungkaran kerana keburukan (*qubh*) yang berlaku dalam masyarakat muslim adalah kesan dan akibat daripada kelemahan dan ketidakmampuan mereka melakukan perubahan ke arah kebaikan dan ia bukanlah sama sekali sesuatu yang Allah taqdirkan begitu sahaja tanpa sebab dan alasan.

Kewajiban masyarakat muslim adalah memastikan syariah Islam yang Allah (s.w.t) serahkan kepada mereka sebagai suatu *al-taklif* diimplementasi dan dilaksanakan. Walaupun ia merupakan sesuatu kesukaran dan kepayahan yang terpaksa dihadapi namun ia boleh membawa manusia seluruhnya kepada ketenteraman dan kebahagiaan. Ini kerana tanpa syariah, hukum dan peraturan tentulah akan mendatangkan kesukaran dan penderitaan yang lebih perit dan berat. Walaupun syariah dianggap sebagai beban dan tanggungjawab (*al-taklif*), namun pada hakikatnya, ia termasuk dalam kekuasaan dan kemampuan manusia untuk melakukannya.<sup>36</sup>

Kewajiban masyarakat muslim adalah mengetahui dan menyedari setiap perintah Allah (s.w.t) memperlihatkan Allah Maha Mengetahui bahawa mereka berkemampuan melakukannya. Begitu juga, Allah (s.w.t) hanya mengeluarkan larangan kerana Dia Maha Mengetahui bahawa masyarakat muslim mampu menghindarinya.<sup>37</sup>

Masyarakat muslim juga perlu menyedari bahawa Allah (s.w.t) hanya membebankan mereka mengikut kesanggupan mereka dan Allah (s.w.t) menafikan sebaliknya. Masyarakat muslim juga perlu menyedari bahawa hadith Nabi (s.‘a.w) menunjukkan bahawa terdapat beberapa keadaan *al-taklif* tidak diperkirakan iaitu semasa lupa, jahil dan tidak mampu seperti dikatakan: “orang gila hingga sembuh, yang tertidur hingga terjaga dan kanak-kanak hingga baligh.”<sup>38</sup> Sekiranya masyarakat muslim tidak berada dalam keadaan seperti itu, maka mereka sepenuhnya bertanggungjawab terhadap apa sahaja yang berlaku.

Dalam konteks kehidupan beragama, masyarakat muslim juga perlu insaf dan sedar bahawa Allah menjadikan semua manusia berada dalam keadaan fitrah dan beragama *al-Tawhid*, atau dengan kata-kata lain, Islam. Kemudian Allah (s.w.t) mengeluarkan perintah

---

36 Al-Hurr al-‘Amili, *al-Fusul al-Muhimmah*, h.73.

37 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, V, h.440.

38 Muhammad ‘Abduh, *op.cit*, h.618, 696, 433; al-Syarif al-Radi, *Nahj al-Balaghah*, (Kitab no:51), h.425; (Hikam no:78), h.481; (Khutbah no:183), h.266; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, XVII, h.19; al-Tabataba’i, *al-Mizan*, XII, h.199-200; al-Muhammadi, *Mizan al-Hikmah*, VIII, h.425; al-Baghdadi, *Usul al-Din*, h.207.

dan larangan kepada mereka sebagai ujian. Kekufuran (*kufr*) adalah terhasil daripada perbuatan manusia sendiri dan ia tidak mempunyai kaitan dengan Allah (s.w.t). Ini kerana manusia hanya menjadi kafir selepas mereka melalui ujian yang disediakan secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan dan tempoh tertentu. Keadaan tersebut menghendaki Allah mendatangkan hujah, dalil dan bukti dengan kebenaran dihadapkan kepada mereka. Hanya apabila manusia mengingkari kebenaran itu, barulah menyebabkan mereka menjadi kafir.<sup>39</sup>

### **Masyarakat muslim dan prinsip-prinsip Islam:**

Terdapat dua prinsip utama dalam konteks bermasyarakat dalam Islam yang dapat digarap daripada al-Qur'an dan sebenarnya setiap manusia khususnya muslim, mu'min dan muttaqi mampu, berdaya dan berupaya melakukannya iaitu:

Prinsip pertama: "*amr bi'l al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar*." Prinsip ini perlu diamalkan dan dijiwai setiap muslim kepada dirinya terlebih dahulu dan seterusnya barulah kepada masyarakat muslim khususnya, dan non-muslim lain yang bernaung di bawah naungan dan perlindungan Islam.

Prinsip kedua: "*Ta'awanu 'ala al-birr wa al-taqwa wa la ta'awanu 'ala al-ithm wa al-'udwan*." Konsep bekerjasama, tolong-menolong, bantu membantu dan bergotong-royong dalam kebaikan dan kebajikan dan tidak bertoleransi dan bekerjasama dalam perkara-perkara keburukan dan kebatilan untuk membolehkan masyarakat muslim khususnya mendapat rahmat dan kebaikan daripada Allah (s.w.t).

### **Konklusi:**

Allah Maha Adil dan Maha Saksama, menetapkan segala sesuatu berdasarkan keadilan dan kesaksamaan-Nya. Semua makhluk Allah, meliputi manusia dan jin tertakluk kepada keadilan dan kesaksamaan Allah (s.w.t). Islam mengemukakan dua bentuk *al-taklif*: *taklif ma la yutaq* (di luar kemampuan manusia) dan *taklif ma yutaq* (dalam kemampuan manusia). Allah (s.w.t) memberikan *al-taklif* (bebanan, tanggungjawab dan kewajiban) berdasarkan kemampuan, keupayaan dan kesanggupan masing-masing (*taklif ma yutaq*) manakala *al-taklif* di luar kemampuan manusia (*taklif ma la yutaq*) tidak pula

---

39 Al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, II, h.341.

dipertanggungjawabkan ke atas manusia. Sesuatu yang tidak dipertanggungjawabkan oleh Allah (s.w.t) sudah pasti tidak akan dipersoalkan. Dengan *taklif ma yutaq*, setiap manusia akan dipertanggungjawabkan, dipersoalkan dan diberikan balasan baik mahupun buruk dengan adil dan saksama. Manusia tidak akan mempunyai sebarang alasan, bukti dan hujah untuk menafikan dan menolak hujah Allah (s.w.t) ke atas mereka menerusi perutusan para nabi dan rasul dan juga kebolehan-kebolehan yang Allah (s.w.t) kurniakan kepada mereka.